

**HUBUNGAN KEPEMIMPINAN INSTRUKSIONAL
DENGAN PENCAPAIAN MURID
PENDIDIKAN ISLAM
PROGRAM J-QAF**

NURFAZHILLAH BINTI SABIT

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : HUBUNGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DENGAN
PENCAPAIAN MURID PENDIDIKAN ISLAM PROGRAM j-QAF

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : NURFAZHILLAH BINTI SABIT SESI PENGAJIAN : 2011/2012

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam
AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan
oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(DR. LEE BIH NI)

(NURFAZHILLAH BINTI SABIT)

Alamat Tetap: KG. BRUNEI, KIMANIS,
89608 PAPAR, SABAH

Tarikh : 15 FEBRUARI 2013

Tarikh: 25/2/2013

CATATAN:- * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak
berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh
tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana
secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan
Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**NURFAZHILLAH BINTI SABIT
PT20107356C
2012**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala kesyukuran kehadrat Allah SWT di atas segala limpah kurnia, rahmat dan petunjuk-Nya juga yang membolehkan laporan penyelidikan ini berjaya disiapkan.

Ucapan terima kasih dan penghargaanikhlas saya rakamkan khas kepada penyelia disertasi:

DR. LEE BIH NI

di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT juga membalsas kebaikan beliau.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada responen-responen yang terlibat dalam penyelidikan ini atas segala kerjasama dan bantuan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Penghargaan juga diberikan kepada ahli keluarga saya dan rakan-rakan yang memberikan bantuan dan sesiapa juga yang telah memberikan sumbangan kepada penyelidikan ini secara langsung atau pun tidak langsung.

Terima Kasih.

ABSTRAK

Pendidikan Malaysia perlu melakukan anjakan paradigm dari segi pengurusan dan kurikulum untuk memastikan aspirasi pendidikan Negara berasaskan Wawasan 2020 tercapai. Dengan itu, guru besar yang merupakan pucuk pimpinan sekolah perlu mengamalkan gaya kepimpinan instruksional untuk memastikan kemenjadian murid dari segi pencapaian akademik dan sahsiah tercapai. Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian dijalankan untuk mengkaji peranan kepemimpinan instruksional terhadap program-program kurikulum terutamanya program j-QAF. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kepemimpinan instruksional dalam pelaksanaan program j-QAF dan hubungannya dengan terhadap pencapaian murid j-QAF. Penyelidikan ini berbentuk kuantitatif dan borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Sampel telah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata dengan nisbah. *Prinsipal Instructional Management Rating Scale (PIMRS)* telah diadaptasi untuk mengukur persepsi guru Pendidikan Islam terhadap peranan kepemimpinan Instruksional dalam pelaksanaan program j-QAF. Kajian ini hanya mengukur dua domain utama kepemimpinan instruksional iaitu domain mengurus program kurikulum dan domain mewujudkan iklim pembelajaran yang positif. Ujian-t dan Kolerasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis nol yang dibuat berdasarkan tahap signifikan, $\alpha = 0.05$. Dapatan kajian mendapat tahap pencapaian murid j-QAF adalah tinggi (skor min= 3.84), manakala tahap peranan kepemimpinan instruksional terhadap pelaksanaan program j-QAF adalah sederhana (skor min= 3.43). Selain itu, guru lelaki (skor min= 3.94) mempunyai min persepsi yang lebih tinggi berbanding min persepsi guru perempuan (skor min= 3.24) terhadap kepemimpinan instruksional dalam pelaksanaan program j-QAF. Dapatan kajian ini juga mendapat tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kepemimpinan instruksional dalam pelaksanaan program j-QAF dengan pencapaian murid j-QAF. Oleh itu, dapatan kajian ini akan memberikan implikasi kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pelaksanaan program j-QAF secara langsung atau tidak langsung terutamanya guru besar yang memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional di sekolah-sekolah di negeri Sabah.

Kata kunci : Kepemimpinan Instruksional, Pencapaian Murid, Pendidikan Islam Program j-QAF.

ABSTRACT

Malaysian education should do paradigm shift in management and curriculum to ensure the country's aspiration by the vision 2020 are achieved. Thereby, principals who are the leaders should adopt instructional leadership style to ensure student excel in terms of academic achievement and personality are achieved. However, not many studies were conducted to examine the instructional leadership performance of curriculum programme especially j-QAF programme. The purpose of this study to investigate Islamic Studies teacher's perception of instructional leadership in j-QAF programme performance and its relationship with student j-QAF achievement. This was a quantitative research and sample survey method was used to collect data. Samples were selected by using cluster random with ratio sampling technique. Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) was adopted to measure implementation of j-QAF programme. The two dimension of PIMRS only measured were; dimension manages curriculum and instruction and dimension promoting a positive school learning climate. Independent t-test and correlation was used to test the state null hypotheses at a predetermined significance level, alpha=0.05. Results showed that the level of student achievement j-QAF is high (mean = 3.84), while the level of instructional leadership role for the implementation of the j-QAF is moderate (mean score = 3.43). In addition, male teachers (mean = 3.94) had a higher perception versus perception of female teachers (mean = 3.24) for instructional leadership in the implementation of the j-QAF. This study also found no significant relationship between instructional leadership in the implementation of the j-QAF with j-QAF student achievement. The research finding will bring some meaningful implications to those who involved directly or indirectly in implementation of j-QAF programme especially headmaster role as instructional leaders.

Keyword : Instructional Leadership, Student Achievement, Pendidikan Islam Programme j-QAF.

SINGKATAN

Y.A.B	Yang Amat Berhormat
NKRA	National Key Result Areas
LINUS	Literasi dan Nimerasi
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SPI	Sektor Pendidikan Islam
j-QAF	Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkasakan Bahasa Inggeris
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam bahasa Inggeris
MTQ	Majlis Tilawah al-Quran
TMm	Teknologi Maklumat dan Multimedia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
PIMRS	Principal's Instructional Management Rating Scale
KISS rule	Keep It Short and Simple rule

SIMBOL

>	Lebih besar
=	Sama dengan
≠	Tidak sama dengan
A	Alfa
μ	Min

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengesahan Status Projek Sarjana	
	Judul	i
	Pengakuan	ii
	Penghargaan	iii
	Abstrak	iv
	<i>Abstract</i>	v
	Singkatan	vi
	Simbol	vii
	Isi Kandungan	x
	Senarai Rajah	xii
	Senarai Jadual	
	Senarai Lampiran	
I	1.0 PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Tujuan Kajian	9
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Saolan Kajian	10
	1.7 Hipotesis Kajian	11
	1.8 Definisi Operasional	12
	1.9 Signifikan Kajian	14
	1.10 Limitasi Kajian	15
	1.11 Kesimpulan	15
II	2.0 TINJAUAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	16
	2.2 Definisi Konsep	
	2.2.1 Kepemimpinan Instruksional	18
	2.2.2 Pendidikan Islam Program j-QAF	
	2.3 Pendekatan Teori	25
	2.3.1 Model Teori Kepemimpinan Instruksional Murphy (1982)	25
	2.3.2 Model Teori Kepemimpinan Instruksional Dwyer (1986)	27
	2.3.3 Model Teori Kepemimpinan Instruksional Weber (1996)	29
	2.4 Kajian-kajian Lepas	
	2.4.1 Kajian Lepas Dalam Negara	30
	2.4.2 Kajian Lepas Luar Negara	32
	2.5 Kerangka Konsep	34
	2.6 Kesimpulan	35

III	3.0	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1	Pengenalan	36
	3.2	Rekabentuk Kajian	36
	3.3	Lokasi Kajian	37
	3.4	Persampelan dan Populasi	
	3.4.1	Populasi	37
	3.4.2	Sampel Kajian dan Persampelan	38
	3.5	Instrumen Kajian	
	3.5.1	Bahagian A: Demografi	39
	3.5.2	Bahagian B: Pencapaian Murid Pendidikan Islam Program j-QAF	40
	3.5.3	Bahagian C: Peranan Kepemimpinan Instruksional Guru Besar Terhadap Pelaksanaan Program j-QAF	41
	3.6	Prosedur Kajian	43
	3.7	Analisis Data	
	3.7.1	Kaedah Deskriptif	44
	3.7.2	Kaedah Inferens	45
	3.8	Kajian Rintis	47
	3.9	Kesimpulan	48
IV	4.0	DAPATAN KAJIAN	
	4.1	Pengenalan	49
	4.2	Analisa Demografi Responden	50
	4.3	Tahap Pencapaian Murid j-QAF	
	4.4	Tahap Pelaksanaan Peranan Kepemimpinan Instruksional Dalam Kalangan Guru Besar Bagi Pendidikan Islam Program j-QAF	50
	4.4.1	Domain Mengurus Program Kurikulum	51
	4.4.2	Domain Mewujudkan Iklim Pembelajaran Yang Positif	52
	4.4.3	Tahap Kepemimpinan Instruksional Secara Keseluruhan	53
	4.5	Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Tahap Kepemimpinan Instruksional Dalam Pelaksanaan Program j-QAF Mengikut Jantina	55
	4.5.1	Domain Mengurus Program Kurikulum	56
	4.5.2	Domain Mewujudkan Iklim Pembelajaran Yang Positif	57
	4.6	Kolerasi Antara Kepemimpinan Instruksional Dalam Pelaksanaan Program j-QAF Dengan Pencapaian Murid j-QAF	57
			59

	4.6.1	Domain Mengurus Program Kurikulum	61
	4.6.2	Domain Mewujudkan Iklim Pembelajaran Yang Positif	62
	4.6.3	Hubungan Kepemimpinan Secara Keseluruhan	64
V	5.0	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	
	5.1	Pengenalan	66
	5.2	Rumusan Kajian	67
	5.3	Rumusan Dapatan Kajian	68
	5.4	Perbincangan	
	5.4.1	Soalan Kajian	72
	5.4.2	Hipotesis Kajian	75
	5.5	Implikasi Kajian	
	5.6	Cadangan	78
	5.6.1	Cadangan Kepada Pihak Pentadbiran dan Pengurusan Sekolah	80
	5.6.2	Cadangan Kepada Guru	81
	5.7	Cadangan Kajian Lanjut	81
	5.8	Penutup	82
		BIBLIOGRAFI	83
		LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

		M/S
RAJAH 2.3 (a)	Dasar Tekanan Akademik Mempengaruhi Akademik	26
RAJAH 2.3 (b)	Model Teori Kepemimpinan Instruksional Dwyer	28
RAJAH 2.5	Kerangka Konsep Kajian	34

SENARAI JADUAL

	M/S	
JADUAL 2.3	Model Kepemimpinan Instruksional Weber	29
JADUAL 3.4	Senarai Nama Sekolah Rendah Kebangsaan Yang Terlibat Dengan Pelaksanaan Program j-QAF di Daerah Papar	38
JADUAL 3.5 (a)	Bilangan Item Kajian	40
JADUAL 3.5 (b)	Bilangan Item Mengikut Ciri-ciri Kepemimpinan Instruksional	43
JADUAL 3.7 (a)	Ujian Statistik Yang Digunakan Untuk Menguji Soalan Kajian	45
JADUAL 3.7 (b)	Taburan Julat Berdasarkan Tahap	45
JADUAL 3.7 (c)	Ujian Statistik Yang Digunakan Untuk Menguji Hipotesis	46
JADUAL 3.7 (d)	Tahap hubungan Antara Pembolehubah	47
JADUAL 4.2	Profil Demografi Responden	50
JADUAL 4.3	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pencapaian Murid j-QAF	51
JADUAL 4.4 (a)	Tahap Kepemimpinan Instruksional dalam Kalangan Guru Besar	52
JADUAL 4.4 (b)	Tahap Kepemimpinan Instruksional Domain Mengurus Program Kurikulum dalam Kalangan Guru Besar	53
JADUAL 4.4 (c)	Tahap Kepemimpinan Instruksional Domain Mewujudkan Iklim Pembelajaran Yang Positif dalam Kalangan Guru Besar	54
JADUAL 4.5 (a)	Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kepemimpinan Instruksional Secara Keseluruhan Dalam Pelaksanaan Program j-QAF	56
JADUAL 4.5 (b)	Analisis Ujian-t Perbezaan Guru Terhadap Pelaksanaan Kepemimpinan Instruksional Domain mengurus Kurikulum	57
JADUAL 4.5 (c)	Analisis Ujian-t Perbezaan Guru Terhadap Pelaksanaan Kepemimpinan Instruksional Domain Mewujudkan Iklim Pembelajaran Yang Positif	58
JADUAL 4.6 (a)	Analisis Hubungan diantara Kepemimpinan Instruksional dengan pencapaian murid j-QAF	60
JADUAL 4.6 (b)	Analisis Hubungan diantara Kepemimpinan Instruksional Domain Mengurus Program Kurikulum dengan pencapaian murid j-QAF	61
JADUAL 4.6 (c)	Analisis Hubungan diantara Kepemimpinan Instruksional Domain Mewujudkan Iklim Pembelajaran Yang Positif dengan pencapaian murid j-QAF	63
JADUAL 5.1	Rumusan Dapatkan Kajian Bagi Statistik Deskriptif	69
JADUAL 5.2	Rumusan Dapatkan Kajian Bagi Statistik Inferens	70

SENARAI LAMPIRAN

	M/S
LAMPIRAN A Soal Selidik	87
LAMPIRAN B SPSS	93
LAMPIRAN C Kebenaran EPRD	99



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menjelang wawasan 2020 pelbagai langkah dan pendekatan telah diambil dan dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan aspirasi pendidikan negara tercapai. Bagi memenuhi tuntutan tersebut kerajaan perlu mempersiapkan rakyatnya dengan aspek-aspek yang sepatutnya. Oleh itu, kerajaan memandang pembinaan modal insan merupakan pelaburan yang terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif. Oleh yang demikian, kerajaan mengangkat martabat sistem pendidikan agar mampu menyaingi, malahan setaraf dengan sistem pendidikan di negara maju yang lain.

Pandangan ini selaras dengan tindakan yang diambil oleh kerajaan pada 27 Julai 2009, apabila Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak telah mengumumkan bidang pendidikan sebagai salah satu daripada enam bidang *National Key Result Areas* (NKRA) dimana beliau telah menggariskan pendekatan-pendekatan pencapaian yang berpaksikan kepentingan rakyat. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) turut terlibat secara langsung dalam NKRA yang ketiga iaitu meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Empat sub NKRA pendidikan yang diberikan tumpuan iaitu Pra Sekolah, Literasi dan Numerasi (LINUS), Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Tawaran Baru kepada pengetua dan guru besar. Dapat dilihat pendidikan bukan sahaja penting dari segi kurikulumnya, malahan kerajaan menganggap pengurusan dan pentadbiran dalam bidang pendidikan juga perlu di beri perhatian.

Justeru itu, kerajaan sekali lagi membuktikan hasratnya untuk menaiktaraf sistem pendidikan negara ini melalui Rancangan Malaysia ke-10 pada 2010 yang lalu.

Berteraskan pembinaan modal insan bertaraf dunia, pendidikan negara telah diperkasakan melalui rangka kerja meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat sepanjang kitar hayat, bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan asas, pendidikan tertiar sehingga ke alam pekerjaan dengan melaksanakan tiga strategi iaitu merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar, meningkatkan kemahiran rakyat untuk meluaskan kebolehpasaran dan menyusun semula pasaran pekerjaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terlibat secara langsung dalam strategi yang pertama iaitu tahap pendidikan negara perlu ditingkatkan bagi meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi sekaligus KPM perlu menambahbaik prestasi pelajar dan sistem pendidikan peringkat sekolah secara menyeluruh serta membolehkan mereka mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti. Empat strategi telah digunakan bagi memastikan aspirasi negara ini tercapai iaitu memastikan semua kanak-kanak boleh berjaya, menjadikan sekolah bertanggungjawab terhadap prestasi pelajar, membuat pelaburan bagi membangunkan kepemimpinan unggul di setiap sekolah dan meningkatkan daya tarikan profesion perguruan dan menghasilkan guru terbaik. Jelas, sekali lagi kerajaan melihat penamaikan prestasi pelajar secara berkesan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal malahan berkait rapat dengan kualiti guru dan kepemimpinan di sekolah.

Oleh itu, kerajaan melihat kejayaan sesebuah sekolah terletak pada keberkesanan seluruh sistem, nilai, kepercayaan, iklim, semangat dan budaya yang diamalkan oleh warga sekolah iaitu pelajar, kakitangan sokongan, guru-guru dan pihak pentadbiran. Pihak yang amat besar pengaruhnya kepada kecemerlangan dan kejayaan organisasi sekolah ialah pemimpin sekolah iaitu pengetua dan guru besar. Mereka bertanggungjawab secara langsung dalam melaksanakan segala program pendidikan di sekolah. Tuntutan pendidikan negara kini, memerlukan golongan guru besar dan pengetua yang berfungsi sebagai penjana perubahan dalam pendidikan melalui proses pemilihan ketat, latihan intensif untuk mereka dan memastikan mereka memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional yang berkesan.

Menurut Bennis (1985) dalam Jamilah dan Yusof (2011), pemimpin yang berkesan dikatakan dapat mengubah organisasi mereka daripada keadaan yang sedia ada kepada satu keadaan yang dinamik serta mempunyai matlamat pencapaian. Ini dapat dilakukan dengan mencipta wawasan untuk organisasi, menanam semangat bertanggungjawab untuk melaksanakan perubahan pada klinik dan menyemai budaya dan strategi baru organisasi mereka agar segala tenaga dapat digerakkan dan segala sumber dapat digunakan. Sesbuah sekolah yang berkesan berjaya memerlukan pemimpin sekolah yang bijak melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Guru besar atau pengetua seringkali memainkan peranan sebagai pemimpin dan pengurus. Menurut Abdul Aziz (2003), mereka adalah pemimpin profesional yang memainkan dua peranan yang saling bergantungan antara satu sama lain. Peranan ini dinamakan kepimpinan dan pengurusan. Hughes (1998) telah mencadangkan Model Dua Peranan bagi guru besar dan pengetua iaitu peranan pemimpin profesional dan peranan ketua eksekutif. Manakala menurut Bush (2003) pula, kepimpinan dan pengurusan tidak boleh dipisahkan dan sebarang langkah untuk memisahkan peranan tersebut adalah tidak tepat. Ini adalah kerana peranan sebagai pemimpin profesional dengan peranan pengurusan adalah saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Namun, kepemimpinan pendidikan tidak boleh disamakan atau dilaksanakan seperti mana amalan kepemimpinan korporat yang sebenarnya mementingkan keuntungan. Ini kerana, organisasi sekolah bukan organisasi yang berteraskan keuntungan tetapi sebuah organisasi yang mementingkan pembinaan modal insan yang mahir iaitu bermatlamatkan kemanjadian pelajarnya. Oleh itu, pengetua dan guru besar perlu peka dan mendalami gaya kepemimpinan instruksional bagi memastikan organisasi sekolah mencapai matlamat seperti yang digariskan oleh KPM. Ini kerana, sekolah merupakan organisasi pengajaran dan pembelajaran dengan fokus diberi kepada tahap pencapaian akademik pelajar, maka kepemimpinan instruksional yang berorientasikan tugas merupakan tingkah laku kepemimpinan yang penting bagi seseorang pengetua dan guru besar.

Peranan kritikal seorang pengetua dan guru besar ialah sebagai pemimpin instruksional walaupun pengetua dan guru besar sendiri tidak bertanggungjawab ke atas kepimpinan pengajaran secara langsung (Hoy & Hoy, 2003). Pihak guru adalah orang yang bertanggungjawab untuk menyampaikan pengajaran dalam bilik darjah secara efektif dan efiesen disebabkan mereka mempunyai kemahiran dalam kurikulum dan penyampainnya. Ini adalah disebabkan golongan guru telah dilatih dan menguasai pengetahuan yang luas terhadap mata pelajaran yang diamanahkan. Pihak pengetua dan guru besar sebaliknya, bertanggungjawab atas pembinaan satu persekitaran yang unggul untuk meningkatkan kualiti penyampaian dan pengetahuan tersebut (Huff & Scahailman, 1982).

Malahan, sekolah yang berjaya dan cemerlang juga perlu diseimbangkan dengan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran yang menepati kehendak semasa iaitu sesuai dengan keupayaan murid, menarik dan terkini dari segi teknologinya. Menurut Danielson (2006), kepimpinan guru adalah terdiri daripada amalan menggunakan evidens dan data dalam membuat keputusan, melihat peluang dan mengambil inisiatif, menggerakkan orang untuk mencapai matlamat bersama, mengatur resos dan mengambil tindakan, memantau kemajuan dan mengubahsuai pendekatan apabila keadaan berubah, mengekalkan komitmen orang lain dan menyumbang kepada pembelajaran organisasi. Dengan proses penyampaian program kurikulum yang berkualiti melalui sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah akan memberikan kesan yang besar dalam pembentukan modal insan bertaraf dunia yang diharapkan oleh kerajaan.

Oleh itu, jelas menunjukkan segala aktiviti di sekolah yang meliputi pelbagai bentuk seperti pengurusan, pengajaran dan pembelajaran adalah suatu usaha yang sepadu untuk menggalas aspirasi Negara. Pucuk kepimpinan sekolah merupakan faktor utama dalam mempastikan segala pelan kurikulum yang digariskan KPM dapat dilaksanakan diperingkat pertengahan dengan jayanya. Disebabkan itu, golongan pengetua dan guru besar perlu mengaplikasikan kesemua elemen-elemen kepemimpinan instruksional agar dapat meningkatkan pencapaian pengetua dan guru besar yang sekaligus meningkatkan pencapaian pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program j-QAF adalah merupakan sebuah program kurikulum, yang digariskan bagi memperkasakan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam 2005. Program ini mendapat nama akronim j-QAF sempena huruf 'j' untuk jawi, huruf Q untuk al-Quran, huruf 'A' untuk bahasa Arab dan huruf 'F' untuk fardu ain. Program ini dilihat akan menyeimbangkan pelajar lepasan sekolah yang telah dibentuk untuk menjadi modal insan yang kreatif dan berdaya fikir, mampu menjana idea dan rekaan baru untuk membangunkan industri bagi mencapai negara berpendapatan tinggi namun masih berpegang teguh dengan ajaran Islam. Program ini adalah sama seperti program-program kurikulum lain yang dibentuk oleh KPM untuk memperkasakan kurikulum agar selaras dengan kehendak semasa. Antara program kurikulum lainnya adalah seperti Literasi dan Numerasi (LINUS), Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI), Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dan bahasa Inggeris (PPSMTI) dan sebagainya.

Idea untuk melaksanakan program j-QAF dicadangkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu Tun Abdullah bin Ahmad Badawi. Beliau telah mengutarakan cadangan ini semasa menyampaikan ucapan pada perjumpaan dengan ulama dan pegawai-pegawai agama sempena Majlis Tilawah al-Quran (MTQ) peringkat Antarabangsa kali 45 di Kuala Lumpur, dan semasa lawatan ke KPM pada 30 Disember 2003 (Manual Kursus Pendedahan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam KBSR, 2004). Bahkan, program ini adalah sebahagian daripada pengisian kepada konsep Islam Hadhari. Pendekatan ini adalah bertujuan untuk membangunkan ummah dan Negara berdasarkan perspektif ketamadunan Islam bersesuaian dengan matlamat wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menurut acuan sendiri.

Oleh itu, dengan kadar segera program rintis program j-QAF telah dijalankan di 30 buah sekolah kebangsaan seluruh negara. Setiap negeri menjalankan projek rintis di dua buah sekolah, sebuah sekolah Bandar dan sebuah lagi sekolah luar

bandar. Projek rintis ini melibatkan murid-murid tahun 2, manakala model perluasan Bahasa Arab melibatkan murid tahun 1 (Manual Kursus Pendedahan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam KBSR 2004: 7). Program ini dilaksanakan menerusi empat model yang merangkumi bidang utama Pendidikan Islam, laitu bidang pelajaran jawi menggunakan model kelas pemulihan jawi, bidang Tilawah al-Quran menggunakan dua model khatam al-Quran (model tasmik dan model 6 bulan), bidang bahasa Arab menggunakan model Bahasa Arab dan bidang fardu ain menggunakan model Bestari Solat.

Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2005 berdasarkan laporan projek rintas dan cadangan Jawatankuasa Tan Sri Murad. Menurut perancangan KPM, pada Tahun 2010 semua sekolah rendah melaksanakan program j-QAF di setiap peringkat sehingga 2012. Oleh itu, program ini merupakan sebuah program kurikulum yang memberikan impak maksimum kepada kendiri dan jati diri murid-murid yang beragama Islam. Jesteru itu, pihak pentadbiran dan pengurusan harusl memandang berat tentang keberkesanan program ini di sekolah masing-masing.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam suasana yang serba mencabar dan kompleks hari ini, pelbagai usaha dijalankan untuk memastikan negara mampu mencapai wawasan 2020 menurut acuan sendiri serta berupaya menangani cabaran-cabaran yang bakal dihadapi. Untuk mendepani wawasan 2020 tersebut kerajaan telah menganjurkan pelbagai pelan antaranya pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian, pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari dan yang terkini adalah pelaksanaan Program Tranformasi Kerajaan. Melalui dasar-dasar kerajaan tersebut maka dasar-dasar pendidikan negara digubal dari masa ke semasa agar pembinaan dan pembentukan modal insan selaras dengan keperluan Negara bagi mendepani cabaran wawasan 2020.

Oleh itu, KPM perlu melaksanakan pelbagai jenis dan bentuk kurikulum agar dapat menampung keperluan modal insan negara untuk melahirkan rakyat yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Dari aspek pembentukan rohani dan sahsiah, KPM telah menggalaskan tanggungjawab ini melalui pelaksanaan Pendidikan Islam program j-QAF. Program ini secara kasarnya telah mencapai objektifnya dan menunjukkan kesan yang positif ke atas tahap penguasaan dan pengetahuan murid dalam mata Pelajaran Pendidikan Islam dan bahasa Arab. Namun, hakikatnya setelah lapan tahun pelaksanaan program ini permasalahan utama seperti murid tidak menguasai kemahiran jawi, pembacaan al-Quran, penguasaan bahasa Arab dan pemantapan amalan-amalan fardu ain masih lagi tidak dapat diatasi sepenuhnya.

Menurut beberapa kajian, faktor yang menyumbang kepada kurang berkesannya program j-QAF disebabkan beberapa faktor iaitu faktor guru mata pelajaran, faktor iklim sekolah, faktor peranan ibu bapa dan komuniti. Faktor guru mata pelajaran kerana didapati kurang pendedahan kepada cara mengajar sebenar bagi kaedah iqra (Mohd Alwi Yusoff e.t al, 2000). Selain itu, iklim dan budaya ilmu disekolah kurang memberangsangkan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Disebabkan itu, guru kurang mahir dalam menyesuaikan masa pengajaran yang singkat dengan objektif pembelajaran yang padat (Farehan, 2000), guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar yang berasaskan Teknologi Maklumat Multimedia (TMm) kerana masalah teknikal (Siti Fatimah, 2000; Ab. Halim, 1985), kaedah dan teknik pengajaran yang tidak berkesan (Mohd. Yusuf Ahmad, 2000) dan program Kem Bestari Solat (KBS) tidak dapat dilaksanakan dengan baik disebabkan kekangan kekurangan fasilitator dan peruntukan kewangan (Asmawati & Lukman, t.th).

Manakala daripada aspek peranan ibu bapa pula, terdapat kajian yang melaporkan bahawa ibu bapa bersikap tidak prihatin dengan pendidikan khususnya Pendidikan al-Quran (Mohd.Nasir, 2001). Selain itu, komuniti juga didapati kurang maklumat tentang dasar pelaksanaan bahasa Arab apabila terdapat kajian menyatakan bahawa bahasa arab kurang mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia disebabkan kurangnya kesedaran tentang kepentingan bahasa Arab, kerana

ianya hanya dianggap sebagai bahasa ibadat semata-mata dan tidak bersifat ekonomi yang mempunyai prospek kerjaya yang cerah dan menguntungkan (Muhammad Fauzi, t.th).

Melalui pembacaan tersebut, pengkaji menyimpulkan bahawa faktor-faktor tersebut boleh diatasi melalui institusi sekolah itu sendiri. Sebarang permasalahan dan kekangan di dalam bidang pendidikan boleh ditambahbaik berdasarkan peranan kepemimpinan instruksional yang diamalkan oleh pengetua dan guru besar. Ini kerana sekolah merupakan institusi pendidikan, ianya memerlukan sistem pengurusan dan pentadbiran yang berteraskan kepemimpinan instruksional. Kepemimpinan ini juga, berteraskan pengajaran yang mementingkan kemenjadian murid dari segi pencapaian akademik dan ko-kurikulum serta sahsiah murid. Gaya kepemimpinan yang mementingkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran, peningkatan perkembangan profesionalisme kakitangan dan menghidupkan budaya keilmuan, bahkan mampu melibatkan ibu bapa dan komuniti sebagai pemegang taruh yang bersifat aktif terhadap pencapaian murid.

Isu kepemimpinan instruksional dalam kalangan guru besar di sekolah mungkin suatu isu yang biasa dan kebanyakan guru besar telah mengamalkannya. Namun persoalannya adakah peranan kepemimpinan instruksional ini diamalkan secara menyeluruh bagi semua mata pelajaran atau hanya ditekankan kepada mata pelajaran teras sahaja. Pencapaian mata pelajaran teras seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik dan Sains yang akan menyumbangkan kepada peratus pencapaian akademik sekolah kerana ianya terlibat dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Ini kerana, pencapaian tersebut akan diambil kira dalam pengiraan komposit sekolah rendah bagi menentukan kedudukan band sekolah.

Oleh itu, berlaku pengabaian kepada program-program kurikulum bukan mata pelajaran teras termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam program j-QAF. Adakah pencapaian murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam program j-QAF di anggap salah satu faktor kepada penyumbang kejayaan dan kecemerlangan sesebuah sekolah. Bagi seorang pemimpin sekolah yang menghayati dan mengamalkan FPK,

tentunya mereka menyeimbangkan kejayaan jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Ini kerana, murid-murid di sekolah rendah merupakan permata Negara yang perlu digilap secara seimbang dari alam kanak-kanak lagi. Bahkan, generasi pewaris ini hendaklah dilengkapkan dengan jati diri yang kukuh agar dapat beradaptasi dengan cabaran sosial dunia realiti.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan kepemimpinan instruksional terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam program j-QAF. Kajian ini secara spesifiknya ingin meninjau penglibatan guru besar melalui peranan kepemimpinan instruksional dalam pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam program j-QAF dan mengenal pasti hubungan yang wujud di antara peranan kepemimpinan instruksional dengan pencapaian murid program j-QAF.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengenalpasti tahap pencapaian murid Pendidikan Islam program j-QAF.
- ii. Mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap tahap kepemimpinan instruksional dalam pelaksanaan Pendidikan Islam program j-QAF di sekolah-sekolah rendah kebangsaan bagi domain mengurus program kurikulum dan mewujudkan iklim pembelajaran yang positif serta secara keseluruhannya.
- iii. Mengenal pasti perbezaan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan kepemimpinan instruksional dalam Pendidikan Islam program j-QAF bagi domain mengurus program kurikulum dan domain mewujudkan iklim pembelajaran positif serta secara keseluruhannya mengikut jantina.
- iv. Mengenal pasti hubungan yang wujud diantara kepemimpinan instruksional dalam Pendidikan Islam program j-QAF bagi domain mengurus program kurikulum dan domain mewujudkan iklim pembelajaran positif serta secara keseluruhannya dengan pencapaian murid j-QAF.

1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap pencapaian murid Pendidikan Islam program j-QAF?
- ii. Apakah persepsi guru terhadap tahap kepemimpinan instruksional dalam pelaksanaan Pendidikan Islam program j-QAF?
- iii. Apakah persepsi guru terhadap tahap kepemimpinan instruksional domain mengurus program kurikulum dalam pelaksanaan Pendidikan Islam program j-QAF?
- iv. Apakah persepsi guru terhadap tahap kepemimpinan instruksional domain mewujudkan iklim pembelajaran positif dalam pelaksanaan Pendidikan Islam program j-QAF?
- v. Adakah terdapat perbezaan persepsi guru terhadap pelaksanaan kepemimpinan instruksional dalam Pendidikan Islam program j-QAF mengikut jantina?
- vi. Adakah terdapat perbezaan persepsi guru terhadap pelaksanaan kepemimpinan instruksional domain mengurus program kurikulum dalam Pendidikan Islam program j-QAF mengikut jantina?
- vii. Adakah terdapat perbezaan persepsi guru terhadap pelaksanaan kepemimpinan instruksional domain mewujudkan iklim pembelajaran yang positif dalam Pendidikan Islam program j-QAF mengikut jantina?
- viii. Adakah terdapat hubungan di antara peranan kepemimpinan instruksional dalam Pendidikan Islam program j-QAF dengan tahap pencapaian murid j-QAF?
- ix. Adakah terdapat hubungan di antara peranan kepemimpinan instruksional domain mengurus program kurikulum dalam Pendidikan Islam program j-QAF dengan tahap pencapaian murid j-QAF?
- x. Adakah terdapat hubungan di antara peranan kepemimpinan instruksional domain mewujudkan iklim pembelajaran yang positif dalam Pendidikan Islam program j-QAF dengan tahap pencapaian murid j-QAF?

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Tajudin bin Abd. Hamid (1989). *Pengurusan Pengetua dalam Kepimpinan Pengajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Andi Audryanah binti Md. Noor. 2007. *Kepemimpinan Pengajaran Dan Efikasi Pengetua Sekolah Mennegah Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Sekolah*. Universiti Teknologi Mara. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan.
- Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib. T.th. *Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat*. Journal of Islamic and Arabic Education. Jld.1 (1): 15-20
- DeBevoise, W. 1984. *Syntesis of Research on The Principal as Instructional Leader*. Educational Leadership. Jld. 41 (5): 14-20
- Dwyer, O.C. 1986. *The Principal as An Instructional Leadership*. Journal of Education. Jld. 63(1): 3-17
- Dwyer,D.C. 1984. *The Search of Instructional Leadership: Routine Subtleties Principals Role*. Education Leadership. Jld. 41(5):34
- Farehan Mohd. Hani (2000) *Kemahiran Membaca Nun Sakinah di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Petaling*. Tesis Sarjana Yang Tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hallinger, P & Murphy, J.F. 1987. *Assesing dan developing Principal Instructional Leadership*. Education Leadership. Jld 45(1):54-61
- Hussien Mahmud. 1993. *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- James Ang Kit Eng & Balasandran Ramiah. 2009. *Kepimpinan Instruksional.: Satu Panduan Praktikal*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1987. *Pekeliling Ikhtisas bil. 3/87: Penyeliaan Pengajaran Pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah*. KP (BS) 8591/11 (77)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1987. *Pekeliling Ikhtisas bil. 3/87: Penyeliaan Pengajaran Pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah*. KP (BS) 8591/11 (77)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Pekeliling Ikhtisas bil. 13/2004: Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah*. KP(85) 8591/Jld. XVII (13)
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. *Buku Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*.
- Leithwood & Montgomery. 1986. *The Discretionary Behavior of Principal in Large City School*. Educational Administration Quarterly. Jld 16 (10): 45-46

- Mohd. Alwi Yusoff. 2004. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mohd. Faisal Mohamed, Zawawi Ismail & Rahimi Md. Saad. T.th. *Celik al-Quran: Cabaran Dan Realiti Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah*. Jurnal Masalah Pendidikan. Jld. 31 (1)
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. 2001. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Yusri Ibrahim, Shukery Mohamed & Wan Abd. Aziz Wan Mohd. Amin. 2011. *Membangunkan Model Modifikasi Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Malaysia: Satu Kajian Awal*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Mohd. Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Monaharan Letchumanan. 1995. *Persepsi Guru Terhadap Kepimpinan Pengajaran Pengetua dalam Mempengaruhi Prestasi Akademik Pelajar di Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia : Tidak diterbitkan.
- Muhammad Fauzi Jumingan. T.th. *Kedudukan Bahasa Arab Di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan.
- Munira Mohsin. 2000. *Persepsi Guru Terhadap Amalan Konsep Kepimpinan Pengajaran di Kalangan Pentadbir Ke Arah Sekolah Berkesan*. Universiti Putra Malaysia. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Pendidikan Yang Tidak Diterbitkan
- Murphy. 1982. *Translating high expectation policies and classroom practice*. Eduacatinal Leadership. Jld.40 (3):23
- Peter Songan & Rijeng Jishet. 2000. *Instructional Leadership Roler of Secondary School in Sarawak*. Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Jld. 6: 22-34
- Peterson, K. D. 1987. *Administration Control And Instructional Leardership*. Boston: Allyn dan Bacon.
- Samsor bin Sahdan. 2003. *Kepemimpinan Pengajaran Dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Sekolah Menengah Daerah Kota Setar, Kedah*. Universiti Utara Malaysia. Kedah: Tesis Sarjana Yang Tidak Ditebitkan.
- Shafari Mohamed Nor. 2001. *Kajian Amalan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Dari Persepsi Pengetua Dan Guru Sekolah Menengah Di Kuala Pilah*. Universiti Putra Malaysia. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan
- Shahril @ Charil Marzuki. 1997. *Kajian Sekolah Berkesan Di Malaysia: Model Lima Faktor*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Tesis Phd. Yang Tidak Diterbitkan.

Sirindes, P.M. 2009. *Educational Leadership and Student Achievement: Pathways of Instructional Influence*. Disertasi Phd. University Of Pennsylvania.

Siti Fatimah binti Sudin. 2002. *Pembacaan al-Quran di Kalangan Mahasiswa Melayu: Satu Kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam Selangor*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Yang Tidak diterbitkan.

Weber, J. R. 1996. *Chapter 9: Leading The Instructional Program*. School Leaderhip. ERIC Clearinghouse on Educational Management, Eugene, Oregon